

Jawatankuasa Buletin Politeknik PPD
Sesi Julai 2008

POLITEKNIK PORT DICKSON TERUS CEMERLANG

1. **Penaung :** Hj. Mohd Kharir Bin Hj. Ibrahim.
2. **Pengerusi :** Tuan Hj. Wan Mohd Hujjatullah Hj. Wan Ghazali, Ketua Jabatan Pengajian Am, PPD.
3. **Ketua Editor & Rekabentuk :** En. Shamsul Jahari Shaari. (JKA)
4. **Editor :**
 - 4.1. Hj. Sabarudin Hj. Yeop Hamza (Pro)
 - 4.2. Pn. Suzarina Subuh (Editor JKA)
 - 4.3. En. Mohd Shah Rizan Nizam Abd Manap (Editor JKE)
 - 4.4. En. Abdul Malik Abd Manap (Editor JKM)
 - 4.5. En. Mohd Fouzi bin Mustafa (Editor JP)
 - 4.6. Cik Siti Nuradibah Edros. (Editor JMSK)
 - 4.8. Cik Masniza Monsor (Editor JPA)
 - 4.9. En. Noorhafiz kanafi (Editor Unit Sukan)
 - 5.0. En. Shukeri Mohamad Ros (Editor JKKQ)
 - 5.1. Pn. Norliza Mohd Piah (Editor Pentadbiran)
 - 5.2. En. Muhammad Hafiz Haidzir (Editor JPP)

Gambar: UIDM

Ketua Pengerusi Buletin



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Buletin PPD sekali lagi muncul menjangkau kalian. Penerbitan kali ini merangkumi berita dan peristiwa yang sempat dirakamkan sepanjang Sesi Julai 2008. Banyak lagi berita yang tidak dapat diterbitkan disebabkan ruangan yang terhad. Terima kasih kepada semua penulis berita dan mereka yang memberi sumbangan idea dan tenaga dalam menjayakan penerbitan Buletin Sesi Julai 2008. Terima kasih. Sekian, terima kasih. Daripada Hj. Wan Mohd Hujjatullah Bin Hj. Wan Ghazali

Sesungguhnya Rahmat Allah Sangat Dekat Kepada Orang Yang Melakukan Kebaikan

Al-A'raf: 56

Aluan Pengarah PPD



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera. Di ruang yang terhad ini saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan tesima kasih kepada Jawatankuasa Buletin kerana berjaya menerbitkan Buletin PPD Sesi Julai 2008. Buletin ini merupakan wadah rasmi Politeknik Port Dickson dalam mempamerkan aktiviti dan peristiwa-peristiwa yang berlaku sama ada di dalam atau di luar kampus yang melibatkan warga Politeknik Port Dickson. Aktiviti dan berita-berita yang dipaparkan ini membuktikan warga Politeknik Port Dickson terus maju dan bergerak cergas dalam pelbagai bidang termasuk kokurikulum dan juga komuniti setempat. Akhir kata saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam memberikan sokongan kepada aktiviti Politeknik Port Dickson sepanjang Sesi Julai 2008 sehingga berjaya dilaksanakan. Sekian, terima kasih dan bersama menuju kecemerlangan. Daripada Hj. Mohd Kharir Bin Hj. Ibrahim, Pengarah PPD.

Program Jalinan Mesra (Gotong Royong)



Pada 30 Ogos 2008, Program Jalinan Mesra telah berjaya dilaksanakan dengan jayanya dan seluruh penduduk Kampung Air Hitam Pantai, Tanjung Bidara, Melaka amat berbesar hati dan berterima kasih dengan kehadiran penyarah-penyarah serta pelajar-pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Port Dickson ke kampung mereka. Perkara ini disampaikan sendiri oleh YB Datuk Kapt. (B) Hj. AB. Karim Bin Hj. Sulaiman selaku ADUN Tanjung Bidara semasa ucapan perasmian beliau. Beliau amat berbangga dan mengalu-alukan lagi kehadiran para pelajar pada masa akan datang. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu negaraku dan laungan kemerdekaan oleh YB Datuk sendiri sempena sambutan kemerdekaan ke-51. Sepanjang program ini berjalan penduduk tempatan telah memberikan kerjasama yang amat baik kepada penyarah dan para pelajar sehingga program berakhir. Program ini telah mencapai objektif seperti yang telah disasarkan dengan jayanya dan diharap akan berterusan pada masa akan datang. MSRN



Ceramah Motivasi - Budaya Pelajar Cemerlang



Program Motivasi (Budaya Pelajar Cemerlang) ini merupakan salah satu aktiviti pada sesi Julai 2008 yang dianjurkan oleh Unit Matematik di Jabatan Matematik, Sains dan Komputer. Aktiviti ini dijalankan pada 25 Julai 2008 di DK 4, Politeknik Port Dickson khusus untuk para pelajar yang mengambil kursus B 5001 (Matematik Kejuruteraan 5). Penceramah jemputan ialah Cr. Tn Hj. Hushim Bin Hj. Salleh, merupakan seorang pakar motivasi yang terkenal di Malaysia. Antara objektif program ini ialah memupuk minat dan kecenderungan para pelajar terhadap pembelajaran modul B 5001; memupuk semangat dan kesedaran tentang kepentingan ilmu dalam kehidupan sebagai seorang pelajar; meningkatkan motivasi diri pelajar sepanjang tempoh pembelajaran mereka di Politeknik; dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang ciri-ciri dan budaya pelajar yang cemerlang. Program ini telah memberi pendekatan yang berbeza di samping program-program pengajaran dan pembelajaran ilmiah yang telah diterima pelajar. Selain daripada itu juga, program ini telah membina kompetensi diri bersesuaian dengan tahap pembelajaran mereka dan persediaan menghadapi dunia pekerjaan apabila selesai pengajian di Politeknik. Mereka juga telah didedahkan dengan tips untuk memupuk minat dan kefahaman terhadap bidang matematik. Nuradibah



Program Perkhemahan Kelab MathScomp



Program ini di jalankan khusus untuk ahli kelab MathSComp bagi sesi Julai 2008 yang bertujuan untuk mendedahkan kepada dunia luar serta mengasah minda pelajar berkaitan dengan Matematik, Sains dan Komputer. Program ini dilaksanakan selama tiga hari dua malam iaitu bermula pada 24 Oktober 2008 sehingga 26 Oktober 2008, yang bertempat di Kem Latihan BTC, Kompleks Uniti, Pasir Panjang. Antara objektif program ini ialah membina jati diri di kalangan pelajar; memberi pendedahan dunia luar serta mengasah minda pelajar terhadap subjek Matematik, Sains dan Komputer. Moto program ini ialah 'Membangun Bersama Sains dan Teknologi'. Antara aktivi yang dilakukan ialah rempuh halangan, membina rakit, dan berakit. Program ini secara keseluruhannya telah membina keyakinan di kalangan pelajar dalam membentuk sahsiah diri. Nuradiah



Gotong Royong Bersama Pelajar Baru

Kelab Kejuruteraan Elektrik (KKE) & Pensyarah JKE telah mengadakan gotong royong pada minggu ke-2 sesi Julai 2008 bermula. Aktiviti ini di adakan pada setiap sesi pengajaran & pembelajaran bermula. Pelajar yang terlibat adalah pelajar baru semester 1 dan 5 bagi semua program di Jabatan Kejuruteraan Elektrik. Kawasan makmal, bengkel & bilik kuliah bagi JKE yang terlibat. Program bermula pada jam 8.15 pg dengan dirasmikan oleh Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik En. Sulaiman Bin Subari.

Para pelajar diagihkan beberapa kumpulan dan mengikut makmal, bengkel & bilik kuliah dengan dibantu oleh semua penyelia. Program tamat pada jam 12.30 tgh hari dengan sedikit jamuan.

MSRN



13 Asian Congress Of Architecture, Busan Korea

Pada 27, Oktober hingga 1 November, seorang pelajar Politeknik Port Dickson, Mohd Arman Bin Mohd Imran daripada Jurusan Diploma Senibina semester 5 JKA, telah dipilih oleh Persatuan Arkitek Malaysia, untuk menyertai "13 Asian Congress Of Architecture" di Busan Korea. Beliau diiringi oleh Puan Ruslinda Abdullah. Bengkel ini diadakan setiap dua tahun sekali dan kali ini hanya 5 orang pelajar IPTA/IPTS yang dipilih mewakili Malaysia. Selain daripada Malaysia negara yang turut menyertai ialah seperti India, Pakistan, Jepun, Singapura, Mongolia dan China.

Semoga penyertaan daripada Politeknik Port Dickson sentiasa terus terpilih oleh pihak PAM di masa-masa akan datang. Syabas kepada semua kakitangan Unit Senibina Politeknik Port Dickson.



Surveillance Audit Ms Iso 9001:2000

Pada 30 dan 31 Oktober 2008 telah berlangsung Audit Pemantauan bagi Sistem Pengurusan Kualiti di Politeknik Port Dickson oleh Pn Fauziah Sulaiman, auditor dari Sirim QAS International Sdn. Bhd. Satu kebdakakuran dan empat pemerhatian ditemui sepanjang audit tersebut. Seramai 4 pegawai dari Politeknik Sultanah Bahiyah, Kulim turut hadir sebagai pemerhati.

Pemantauan terhadap Sistem Pengurusan Berkualiti akan terus dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan setiap perkhidmatan disampaikan mengikut piawaian yang ditetapkan. zainab/shukeri



Seminar Personaliti Unggul dan Pengurusan Stress Aniuran JKA

Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan Seminar Personaliti dan Pengurusan Stres, pada 26 September 2008. Program ini disertai oleh 120 orang peserta yang terdiri daripada semua staf JKA dan 60 orang staf dari JKE, JKM, JMSK, JP dan Unit Pentadbiran Politeknik Port Dickson Antara jawatankuasa JKA iaitu Puan Norazah Bt. Hj Mat Kassim Dan Puan Nuratikah Seman Antara objektif program ini ialah untuk memberi peluang kepada semua peserta mengenali karakter personaliti masing-masing berdasarkan Ujian Personaliti Dr. Sidek Noah dan menganalpasti kaedah mengurus tekanan dengan baik. Penceramah yang mengendalikan seminar ini ialah Kaunselor Berdaftar iaitu Cr. Shamsul Bahrain bin Haron dari Politeknik Shah Alam. Pengisian seminar ini ialah Inventori Ujian Personaliti Dr Sidek Noah yang dijalankan oleh semua peserta, kupasan karakter setiap jenis personaliti dan kaedah-kaedah menangani stres dengan baik. Seminar ini berjalan dengan lancar dan telah berjaya mencapai matlamatnya. Diharapkan seminar seperti ini dapat diteruskan lagi dengan memberi penekanan terhadap potensi yang ada dalam diri setiap peserta berdasarkan ciri personaliti masing-masing untuk dibangunkan pada masa akan datang.



English Language Camp Phase II July 2008



A group of 38 Semester 3 (Diploma) students of all courses attended the second phase English Language Camp which was held at Brindley Training & Camp, Pasir Panjang, Port Dickson on 15 to 16 November, 2008. It was organized by the English Language Unit of Port Dickson Polytechnic. The main objective of the camp was to increase students' performance in oral communication skill specifically in oral presentation. In this phase, the participants were facilitated by the lecturers from the English Language Unit, Port Dickson Polytechnic and also a guest speaker, Mr. Sivagurunathan, was invited to give a talk on 'How to Speak Confidently : Part II'.



English Language Carnival July 2008



The English Language Carnival July 2008 was held from 26 to 29 August 2008. Various activities such as Scrabble, Spelling Bee, Elocution and Singing Contest as well as Quiz Competition were held during the carnival. These competitions were offered to all students and staff. Apart from that, two movies, Kung Fu Panda and Hancock were also aired in Dewan Kuliah 4 and 5 on the 27th of August. The carnival was jointly organized by the English Language Club and the English Language Unit of Port Dickson Polytechnic.



Statistic Challenge



Statistic Challenge ini adalah merupakan aktiviti yang mirip kepada format kuiz. Ia dipertandingkan di antara semua kelas yang mengambil modul B3001 yang berlangsung pada 8 Ogos 2008, bertempat di DK4. Aktiviti ini menggunakan topik pertama dalam modul B3001, iaitu topik Statistik. Acara ini akan dipertandingkan secara serentak bagi setiap kelas. Penyelaras aktiviti ini ialah Pn. Noormala Ramli, manakala fasilitator yang terlibat ialah semua pensyarah modul B3001. Bilangan peserta yang terlibat dalam aktiviti ini ialah 34 orang. Antara objektif program ini ialah untuk memupuk minat para pelajar terhadap matematik; membantu pelajar yang lemah dalam modul B3001; memupuk semangat bersaing yang sihat dikalangan pelajar; membentuk tanggapan baru dari pelajar bahawa matematik adalah suatu yang menarik dan menjana minda; dan membina semangat bekerjasama dan membantu rakan sekuliah yang lemah dalam modul ini.



Motivasi Pelajar JKE

Bertempat di Dewan Kuliah 4, Blok Akademik Politeknik Port Dickson pada tanggal 17 September 2008 Kelab Kejuruteraan Elektrik telah mengadakan program Motivasi pelajar JKE semester 1 dan 5. Motivasi bertajuk "Smart Study Learning Skills" yang disampaikan oleh perunding motivasi En. Osman Bin Affan telah berlangsung pada jam 09.00 pagi sehingga 01.00 ptg. Dalam program tersebut pelajar dapat mengetahui beberapa cara pembelajaran yang lebih teratur dan berkesan. Sambutan pelajar dalam program ini disambut baik dan pada masa akan datang program sedemikian boleh diteruskan lagi. MSRN

Perjumpaan Bersama Pengarah (Pentadbiran)

Kakitangan staf sokongan unit pentadbiran dari semua gred untuk julung kali pada tahun 2008 mengadakan perjumpaan bersama pengarah dengan tujuan semua kakitangan di unit pentadbiran dan tuan pengarah dapat bertukar-tukar fikiran bagi memantapkan lagi perjalanan kerja di setiap unit di pentadbiran. Disamping itu kakitangan di unit pentadbiran di ketuai oleh Pegawai Penerangan Encik Sabarudin bin Yeop Hamza memohon restu pengarah untuk menghidupkan kembali Kelab Unit Pentadbiran yang sedikit malap dengan pertukaran beberapa orang pengerusi. Dengan itu Kelab Pentadbiran akan kembali beroperasi dan Tuan Pengarah akan menjadi Penaung kepada kelab tersebut. SYABAS !!!

Program Sukan JPP Seminar Tingkatkan Daya Kepimpinan

Exco Sukan JPP bersama penasihat sukan JPP telah mengadakan seminar Pengurusan & Penganjuran Sukan pada 20 dan 21 September 2008. Para pelajar dari enam politeknik berkampung di Port Dickson untuk menjayakan seminar ini. Politeknik yang turut serta adalah Politeknik Port Dickson, Politeknik Muadzam Shah, Pahang, Politeknik Merlimau, Melaka, Politeknik Kota Melaka dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam dengan bilangan peserta seramai 80 orang. Seminar ini memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar politeknik untuk berani membentuk sesuatu kejohanan sukan di politeknik masing-masing. Dalam pada itu, selain pengurusan aktiviti sukan, seminar ini juga menjadi platform kepada pelajar melatih diri dalam menguruskan sesuatu majlis rasmi. Penceramah yang dijemput daripada Institut Perguruan Melaka dan Pegawai Sukan Politeknik Port Dickson. Penuh seminar ini telah dirasmikan oleh Tuan pengarah Politeknik Port Dickson. msm



Bengkel Anggaran Belanja Mengurus (ABM)

Pada 2 – 4 Disember 2008 satu bengkel Anggaran Belanja Mengurus (ABM) telah dilaksanakan di Port Dickson Golf Country Club (PDGCC). Bengkel ini disertai oleh Pengarah, Timbalan Pengarah, Ketua Jabatan dan pegawai-pegawai kanan PPD. Fasilitator bengkel ini ialah Pengarah Politeknik Kota Kuala Terengganu. Bengkel selama 3 hari ini dianjurkan oleh Unit LPL Politeknik Port Dickson bertujuan untuk menghasilkan dokumen ABM bagi mengurus PPD pada tahun 2009. Selain dari itu peserta bengkel juga telah menghasilkan dokumen budget RKM 10 dan RKM 11 di samping menyediakan permohonan peruntukan "one off" untuk PPD. Bengkel ini telah berjaya menghasilkan dokumen ABM yang diperlukan. whs



kursus Hirarc



Pada 20 November 2008, satu kursus dalaman Hirarc telah diadakan di Bilik Seminar Jabatan kejuruteraan Mekanikal (JKM). Kursus ini mendapat sambutan dari 15 orang pensyarah dari JKJ. Pendedahan kursus ini memberi makna yang besar kepada peserta, secara langsung terlibat dengan pengajaran dan pembelajaran di dalam makmal dan bengkel. Aspek kesihatan dan keselamatan dalam melaksanakan tugas sudah semestinya diberikan keutamaan yang tidak berlembah. Pengetahuan yang diterima oleh peserta-peserta boleh digunakan untuk mengelakkan keadaan yang buruk dan yang tidak diinginkan dari berlaku di makmal atau bengkel berkaitan. Peserta juga diberi kemahiran menilai tahap hirarc pada sesuatu tempat pengajaran dan pembelajaran.



JKM Memenangi Pertandingan Projek Politeknik Port Dickson

Pada 27 November 2008, satu pertandingan projek politeknik Port Dickson telah dijalankan. Sebanyak 10 projek telah dipertandingkan di mana 3 projek dari JKA, 4 projek dari JKE dan 3 projek dari JKJ. Manakala JP tidak menghantar sebarang wakil. Keputusan pertandingan memihak kepada Jabatan Kejuruteraan dimana tempat pertama dimenangi oleh SEMI AUTO FOLDING SHIRT MACHINE dan kedua MESIN PENGASING BIJI LADA KERING.

Syabas diberikan kepada pelajar-pelajar yang berusaha bersungguh-sungguh dan penyelia yang tidak jemu memberi galakan serta tunjukajar bagi mencapai kemenangan tersebut.




Lawatan Sambil Belajar Pelajar Ke Petrosains

Lawatan sambil belajar ke petrosains ini dijalankan khusus untuk para pelajar yang mengambil kursus B 1004 (Sains Juruteknik) dan B 2001 (Matematik Kejuruteraan 2). Lawatan yang dilaksanakan selama sehari iaitu pada 20 September 2008 bertujuan untuk memimba dan menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman di kalangan pelajar supaya dapat memperolehi pengetahuan baru dan mengetahui teknologi baru yang semakin membangun di Malaysia. Lawatan ini sejajar dengan matlamat negara untuk merangsang minat golongan muda dalam bidang sains dan teknologi seterusnya melahirkan generasi ahli sains dan teknologi yang tertaraf dunia.

Antara objektif lawatan ini ialah memupuk minat pelajar dalam bidang sains, matematik dan teknologi; mempertingkatkan kemahiran sains, matematik dan teknologi dalam diri pelajar; memberi pendedahan kepada para pelajar tentang ilmu sains, matematik dan teknologi yang meluas; dan memberi pendedahan dan menyediakan para pelajar dengan alam pekerjaan.

Melalui lawatan sambil belajar ini, para pelajar didedahkan dengan teknologi terkini yang boleh diaplikasikan di dalam kehidupan mereka apabila memasuki alam pekerjaan selain melihat sendiri keistimewaan dan keunikan dunia sains, matematik dan teknologi. Nuradibah



Maiis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim/Piatu Derah Port Dickson

Pada jam 2.30 petang, semua ahli PRS berkumpul di kafe B sementara menunggu kedatangan anak-anak yatim. Ketibaan anak-anak yatim disambut oleh semua AJK tertinggi PRS pada jam 3.00 petang. Program diteruskan dengan ucapan dari Tuan Pengarah PPD, seterusnya menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim.

Aktiviti diteruskan dengan program motivasi oleh Pegawai Kaunseling kepada anak-anak yatim. Seterusnya solat Asar secara berjemaah diadakan di Pusat Islam dan persembahan nasyid dari pelajar Politeknik Port Dickson. Program diteruskan dengan aktiviti berbuka puasa. Selepas itu, kesemua peserta mengadakan solat Maghrib dan Isyak secara berjemaah dan diakhiri dengan jamuan moreh. Objektif program ini bagi merayakan kemeriahan sambutan Ramadan tercapai kerana kesemua peserta berpuas hati dengan program yang telah dilaksanakan bersama-sama mereka.



Program Ice Breaking Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Port Dickson



Pada 26 Julai 2008, Unit Kaunseling dan Kerjaya Politeknik Port Dickson, dengan kerjasama Kelab Pembimbing Rakan Siswa telah menjalankan Program Ice Breaking Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Port Dickson Sesi Julai 2008 yang bertempat di Pantai Politeknik dan Pantai Purnama. Objektif program ini adalah untuk menjalin silaturahim sesama ahli PRS dan mengeratkan hubungan semua AJK. Seramai 114 orang peserta yang menyertai program ini.

Program ini bermula seawal 7.30 pagi dan peserta berkumpul di tempat letak kereta bangunan HHP dan melakukan senaman serta diberi sarapan pagi sebelum peserta memulakan aktiviti explore race yang mengarahkan mereka mencari klu bagi ke destinasi seterusnya. Sebelum itu, aktiviti ice breaking bermula dengan empangan pecah di mana peserta diarah mencari kawan senegeri dengan mereka, mencari pasangan bulan kelahiran yang sama. Kemudian peserta akan memperkenalkan diri seorang demi seorang. Aktiviti ice breaking diteruskan lagi dengan pembahagian kumpulan. Mereka harus mengenali ahli dalam kumpulan mereka dan kekal sebagai sebuah kumpulan sehingga selesai semua aktiviti.

Aktiviti yang dijalankan di pantai adalah seperti Pulau Ajaib yang menguji minda untuk mengingati sesuatu, aktiviti sukaneka yang mengkehendaki peserta menyambut belon yang dilemparkan ke atas kain batik dan mendapatkan gula-gula di dalam tepung. Program diteruskan lagi dengan acara teka siapa saya. Salah seorang peserta dari kumpulan mereka perlu melakukan pelbagai aksi bagi membolehkan ahli kumpulannya meneka siapa yang dimaksudkan.

Program ini berakhir pada jam 5.00 petang dengan pemberian hadiah kepada para pemenang. Kebanyakan peserta berasa seronok selepas menyertai program ini dan berharap program ini dapat diteruskan lagi pada semester hadapan.



Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan KPTM

Pada 12 – 14 November 2008, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah mengadakan Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan. Ia diadakan di Hotel Grand Continental, Kuantan Pahang. Seminar ini telah menghimpunkan ahli akademik dari setiap pelusok Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia tidak kira dari Universiti, Politeknik mahupun Kolej Komuniti. Pembentang yang terpilih adalah dari ratusan abstrak yang telah dihantar ke Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya. Hanya 20 abstrak yang terpilih untuk dibentangkan dalam seminar tersebut manakala bakinya dijadikan poster sepanjang seminar itu berlangsung. Abstrak yang telah dihantar oleh Pn Farah Deba bt Ayeop Abdul Khalil dari Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Port Dickson telah terpilih. Tajuk kajian yang dibentangkan oleh beliau adalah "Kajian Mengenai Sistem Binaan Berindustri Di Malaysia Serta Pengaplikasiannya Terhadap Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti". Tajuk-tajuk yang dibentangkan juga disusun mengikut keutamaan tema. Daripada 20 orang pembentang, beliau adalah diantara lima pembentang yang terawal. Secara keseluruhannya, seminar ini berjalan dengan lancar dan telah berjaya mencapai matlamatnya. Diharapkan seminar seperti ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang. Farah Deba

Hari Senibina 2008

Unit Senibina Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan program Hari Senibina 2008 pada 23 Oktober dan 24 Oktober 2008. Antara objektif program itu ialah untuk memberi pendedahan kepada semua pensyarah dan pelajar senibina dari semester satu hingga semester enam berkaitan asas kemahiran melukis lukisan perspektif, teknik mewarna menggunakan pelbagai media iaitu pen marker, cat air, pensel warna dan sebagainya. Bengkel melukis dan mewarna ini dikendalikan oleh pakar ilustrasi iaitu ilustrator terkenal, Saudara Jomaithir dari AJ Reka. Beliau telah banyak mengendalikan bengkel berkaitan senibina dan telah menayakan beberapa projek senibina dan ilustrasi sama ada di peringkat dalam mahupun luar negara. Dalam program ini juga, para pensyarah dan pelajar didedahkan dengan teknik penyediaan paparan untuk persembahan (presentation board) yang baik sama ada dari segi rekabentuk dan juga reka letaknya. Di samping itu, Hari Senibina ini dilaksanakan bertujuan untuk meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Unit Senibina dan seterusnya mengeratkan hubungan pelajar dan pensyarah senibina. Program yang berlangsung selama dua hari ini telah berjaya mencapai matlamatnya. Pihak penganjur dan peserta berharap agar program seumpama ini dapat terus dilaksanakan pada masa akan datang dengan lebih mengfokuskan kepada teknik dan kemahiran melukis dan mewarna di kalangan pelajar senibina terutama pelajar semester satu dan dua. Nuratikah Seman

Hari Pertandingan Projek Peringkat Jabatan



Kelab Rekacipta dan Inovasi Politeknik Port Dickson (KRIPPD) di bawah pimpinan En Mohd Zaini dan En Mohd Izham, buat kali kedua telah menganjurkan Hari Pertandingan Projek Peringkat Jabatan yang dilangsungkan di sekitar ruang legar bangunan HHP Politeknik Port Dickson pada 27 November 2008. Pertandingan ini terbuka kepada JKA, JKE, JKM dan JP dengan penyertaan sebanyak 13 kumpulan pelajar semester akhir keseluruhannya. Penganjuran kali pertama oleh KRIPPD sebelum ini diadakan di Dewan Wawasan PPD pada Sesi Jan 2008 dengan penyertaan sebanyak 10 kumpulan dari setiap jabatan. Pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memilih projek terbaik peringkat Jabatan dan Projek Terbaik Politeknik yang mana anugerah Projek Terbaik akan disampaikan kepada pelajar pada konvokesyen yang akan datang.

Seminar Pecutan Terakhir Dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2008

Program Seminar Pecutan Terakhir dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2008 Pembimbing Rakan Siswa telah diadakan pada 18 Oktober 2008. Program ini dimulakan dengan pendaftaran peserta. Seterusnya para peserta diberi makanan sarapan pagi sebelum Ceramah Motivasi dimulakan yang telah disampaikan oleh Puan Noratikah bt Seman. Selepas ceramah tamat, program diteruskan dengan Jamuan Hari Raya Aidilfitri yang bertempat di ruang legar Dewan Kuliah 6.

Majlis berakhir pada jam 2.00 petang. Setelah program tamat, kebanyakan peserta amat berpuas hati terhadap ceramah motivasi yang telah disampaikan memandangkan peperiksaan akhir semester bakal menjelang pada bulan Disember akan datang. Kesemua peserta berminat untuk menghadiri program seperti ini lagi pada lain-lain masa.



Program Politeknik Bersama Komuniti – Bengkel Kalkulator & Math Challenge

Sempena Program Politeknik Bersama Komuniti yang telah diadakan pada 13 & 14 November 2008 bertempat di Politeknik Port Dickson, JMSK telah mengadakan beberapa aktiviti. Aktiviti tersebut ialah Bengkel Kalkulator & Math Challenge. Kumpulan sasaran yang terlibat dalam aktiviti ini ialah Pelajar sekolah di kawasan Port Dickson dari darjah 4 hingga tingkatan 5.


Antara Objektif program ini ialah memupuk minat para pelajar sekolah terhadap matematik; membantu pelajar yang lemah dalam matematik; memupuk semangat bersaing yang sihat dikalangan pelajar; membentuk tanggapan baru dari pelajar bahawa matematik adalah suatu yang menarik dan menjana minda; membina semangat bekerjasama dan membantu rakan sekelas yang lemah dalam matematik; memastikan pelajar dapat menggunakan kalkulator dengan betul dan cepat; dan mengenali pelbagai fungsi kalkulator.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah Bengkel Kalkulator dan Math Challenge. Bengkel kalkulator ini dijalankan khas untuk pelajar tingkatan 4 dan 5 yang mempelajari subjek matematik tambahan (additional mathematics). Penggunaan kalkulator adalah sangat meluas bagi subjek tersebut. Namun, masih terdapat pelajar yang tidak mahir menggunakan butang fungsi pada kalkulator. Manakala Math Challenge pula, dijalankan untuk membolehkan pelajar peringkat sekolah rendah dari darjah 4 hingga darjah 6 melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti berkonsepkan permainan dan kuiz. Antara aktiviti yang dijalankan dalam Math Challenge ialah Kuiz silang kata berbentuk angka, dam ular dan cekap sifir. Nuradibah



Seminar Peningkatan Kefahaman Islam


Pada 20 November 2008 Unit Pendidikan Islam dengan kerjasama Pusat Islam PPD telah menganjurkan Seminar Peningkatan Kefahaman Islam bertempat di Pusat Islam PPD. Fokus seminar pada kali ini ialah peningkatan kefahaman dalam bidang pengurusan jenazah. Seramai 40 peserta yang terdiri dari kakitangan Politeknik Port Dickson, AJK Penduduk Taman Politeknik dan AJK Penduduk Taman Intan Perdana. Objektif seminar ini adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta dalam menguruskan jenazah mengikut cara yang ditentukan oleh Islam. Seminar ini dirasmikan oleh Ketua Jabatan Pengajian Am Hj. Wan Mohd Hujjatullah Wan Ghazali mewakili Pengarah Politeknik Port Dickson. Dalam ucapan beliau menegaskan bahawa menjadi hasrat Politeknik Port Dickson untuk memberi peluang kepada penduduk sekitar Politeknik Port Dickson mengambil faedah dari kewujudan politeknik di dalam komuniti ini. Banyak lagi program yang dirancang melibatkan komuniti setempat. Seminar ini selain dapat meningkatkan kefahaman juga telah dapat menjalin hubungan yang lebih akrab antara penduduk komuniti bersama kakitangan Politeknik Port Dickson. WHG



Ibadah Korban

Sempena Hari Raya Aidil Adha 1429 Hijrah, Unit Pendidikan Islam PPD telah menganjurkan Ibadah Korban. Ibadah Korban peringkat Politeknik Port Dickson ini diadakan selepas Solat Aidil Adha pada 8 Disember 2008. Dua ekor lembu telah dikorbankan dan sebahagian daging korban tersebut telah diagihkan kepada peserta sementara selebihnya dimasak secara gotong-royong untuk jamuan kepada para hadirin khususnya pelajar muslim yang tidak dapat berhari raya bersama keluarga.

Pada sebelah pagi hari Solat Sunat Aidil Adha telah diadakan di Pusat Islam PPD. Turut serta dalam solat bersama staf, pelajar dan jamaah ialah Tuan Haji Mohd Ghaus Bin Ab. Kadir, Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPPKK. WHG



Seminar Kerjaya "Usahawan Kerjaya Pilihan"

Pada 13 November 2008, Kelab Perdagangan dengan kerjasama Unit Kaunseling Dan Kerjaya Politeknik Port Dickson telah menganjurkan satu Seminar Kerjaya bertempat di Dewan Kuliah 4. Antara objektif seminar tersebut diadakan adalah bagi membuka minda para pelajar tentang cabang-cabang perniagaan yang boleh diceburi setelah tamat pengajian kelak.

Antara topik-topik berguna yang disentuh dalam seminar tersebut yang juga dihadiri oleh pelajar-pelajar yang mengambil Modul Keusahawanan (P3117) itu adalah, 'Menjadikan Usahawan Sebagai Kerjaya Pilihan', 'Bagaimana Menyediakan Rancangan Perniagaan Yang Baik', 'Bidang-bidang atau Peluang-peluang Perniagaan Yang Boleh Diusahakan Oleh Usahawan' dan 'Agensi-agensi Sokongan Yang Terlibat Dalam Bidang Keusahawanan'. Seminar yang disampaikan oleh Para Pegawai dari Kementerian Pembangunan Usahawan Malaysia (MeCD) telah berupaya memberi informasi-informasi terkini dan bermanfaat kepada para peserta. - msj



'Blog For Bloggers'

Pada 6 November 2008, satu Kursus Membuat Blog anjuran Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) telah diadakan bertempat di Makmal DSK, Politeknik Port Dickson. Kursus sehari yang disampaikan oleh En Mohd Siri Bin Muslimin tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 20 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Perdagangan dan Pentadbiran. Antara objektif kursus tersebut diadakan adalah bagi memberi pendedahan tentang kepentingan dan kegunaan blog dalam proses pengajaran dan pembelajaran di politeknik. Kursus yang berakhir pada jam 4.30 petang tersebut telah berjaya mencapai objektif apabila kesemua kakitangan berjaya membina laman blog masing-masing. - msj



Hidup Lebih Sihat Bersama Yakult!



Seramai 27 orang pelajar Diploma Pemasaran semester 6 dan dua orang pensyarah iaitu Puan Nor Ariefah Hafidza Kadir dan Puan Ku Ahmisuhaiti Ku Ahmad daripada Jabatan Perdagangan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Yakult (Malaysia) Sdn Bhd pada 26 Ogos 2008 yang lalu bertempat di Seremban 2. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pengetahuan, pendedahan dan pengalaman kepada pelajar berkaitan kursus P5711 iaitu Pemasaran Perkhidmatan.

Sepanjang lawatan, para pelajar berpeluang untuk melihat sendiri bagaimana minuman tersebut dibuat dan dipasarkan. Pelajar juga diberi penerangan berkaitan proses dan teknologi yang digunakan dalam menghasilkan minuman Yakult.

Apa yang paling menarik perhatian peserta ialah setiap ruang kilang tersebut dilihat amat bersih seolah-olah dibersihkan setiap masa dan inilah yang boleh dikaitkan dengan budaya hidup dan budaya kerja orang Jepun. Miss Chin yang mewakili Yakult (M) Sdn Bhd dilihat begitu fasih dan petah sekali berbahasa Melayu telah memaklumkan pelbagai cara dan tips untuk menjaga kesihatan khususnya dari segi pencernaan dan bagaimana kultur bacillus shirota membantu manusia untuk meningkatkan kesihatan. Tayangan video juga diadakan bagi memberikan maklumat yang lebih jelas kepada para pelajar.

Di akhir sesi lawatan peserta lawatan dihadiahkan dengan beberapa cenderamata dan juga dapat merasa minuman yakult secara percuma serta berpeluang membeli yakult dengan harga yang lebih murah.

Staf PPD Beraksi Hebat Di Supkom 1



Staf Politeknik Port Dickson (PPD) telah menyertai Seminar Pengurusan Sukan dan Sukan Staf Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (SUPKOM 1) yang diadakan di Politeknik Sultan Solehuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam Selangor pada 31 Oktober 2008 hingga 2 November 2008. PPD telah menghantar peserta seramai 40 orang. Staf PPD telah menyertai semua aktiviti yang diadakan semasa seminar tersebut. Pencapaian PPD dalam acara-acara sukan yang dipertandingkan adalah boleh dibanggakan. Keputusan SUPKOM 1 ialah seperti berikut :

- Tenpin Boling Perseorangan (P) : NORLIZA BT MD PIAH (NAIB JOHAN)
- Tenpin Boling Beregu (P) : NORLIZA BT MD PIAH dan SHAKINAH BT SAAD (N. JOHAN)
- Badminton Perseorangan (P) : ANITA BT AHMAD (KE TIGA)
- Ping Pong Beregu (L) : MUSTAFFA KAMAL dan ZAINI BIN KEMON (KETIGA)
- Ping Pong Beregu (P) : SHARIFAH ENNE dan THAM YEW CHEN (KETIGA)

Prestasi pencapaian staf PPD boleh diperbaiki lagi dengan susunan latihan yang teratur dan berterusan serta penglibatan dan sokongan padu semua pihak. Staf yang masih muda adalah diharapkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan oleh PPD, Pesatuan Kakitangan atau kelab-kelab jabatan. Kita perlu berganding bahu untuk memacu PPD ke puncak gemilang. Terima kasih kepada semua pihak yang menyokong aktiviti staf PPD. Mazlan MN, PSK PPD.



Hari Bersama Pelanggan

11 September 2008, JKKQ Politeknik Port Dickson telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan. Ia merupakan program yang dilaksanakan pada setiap semester untuk memastikan pelanggan terutamanya pelajar/kakitangan sentiasa mempunyai peluang untuk mengemukakan sebarang kemusykilan bahkan cadangan penambahbaikan untuk Sistem Pengurusan Berkualiti. Selain itu peti-peti cadangan yang diletakkan di kawasan-kawasan strategik disekitar kampus PPD juga merupakan wadah bagi pelajar /kakitangan untuk menyalurkan komen, pendapat dan pandangan masing-masing. Setiap permasalahan akan diambil tindakan selewat-lewatnya 14 hari bekerja selepas aduan diterima. zainab

Pameran dan Jualan Gerai

Pada 13 November 2008, Unit Inovasi dan Keusahawanan Jabatan Perdagangan telah menganjurkan satu Pameran Produk dan Perkhidmatan Oleh Agensi-Agensi Sokongan yang terlibat secara langsung dengan usahawan. Program yang diadakan bersempena dengan Hari Politeknik Bersama Komuniti itu telah berjaya menarik minat dan mendapat penyertaan dari beberapa agensi seperti FAMA, RISDA, MARA, SME BANK, KPDNHEP, SMEDEC, MKM, PUNB, TEKUN dan INSKEN. Antara objektif pameran tersebut diadakan adalah bagi memberi pendedahan maklumat dan informasi tentang agensi-agensinya yang terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan. Manakala satu lagi aktiviti yang diadakan pada hari yang sama adalah pembukaan gerai jualan oleh para pelajar yang mana antara objektif aktiviti ini diadakan adalah bagi membuka minda para pelajar mengenai dunia perniagaan sebenar dan memberi pendedahan awal mengenai selok-belok perniagaan secara kecil-kecilan. - msj



Kursus Dalam PLC

Pada 20 hingga 21 November 2008, satu kursus dalaman PLC telah berlangsung selama 2 hari di makmal PLC Jabatan kejuruteraan Mekanikal. Kursus dikendalikan oleh 2 penceramah dan dihadiri oleh 15 orang pensyarah. Kursus ini didedahkan kepada pensyarah yang berminat dan sebagai proaktif pihak Jabatan untuk memantapkan mereka pengajaran pada kursus Program Logic Controller (PLC) yang ditawarkan kepada pelajar Diploma Mekatronik dan Pembuatan. Peserta diberi penekanan 'hand on' yang melibatkan pengetahuan komponen hardware seperti pneumatic equipments, interface output and input, komputer, ladder diagram dan software. Peluang ini dipergunakan dengan sebaiknya oleh para peserta dalam merealisasikan sistem kawalan melalui penggunaan PLC.



Tips For Final - JKA

Pada 22 November 2008, Jabatan Kejuruteraan Awam telah mengadakan satu program iaitu "Tips Fir Final". Program ini merupakan program anjuran bersama Unit Bimbingan dan Kaunseling Jabatan dengan kerjasama Kelab Jabatan Kejuruteraan Awam. Peserta program ini ialah semua pelajar semester satu JKA dan beberapa orang pelajar semester dua JKA yang dikenalpasti mempunyai masalah akademik. Matlamat program ini adalah untuk sebagai satu persediaan dan menambah keyakinan di kalangan pelajar JKA terutama pelajar semester satu dalam menghadapi peperiksaan akhir sesi Julai 2008. Antara pengisian yang terdapat dalam program ini ialah Ceramah Kenapa Peperiksaan Diperlukan, Ceramah Strategi Menghadapi dan Menjawab Soalan Peperiksaan, Ceramah Strategi Mengulang-kaji dan Teknik Belajar, Teknik Menangani Panik Semasa Peperiksaan dan Apa perlu Dilakukan Selepas menduduki Peperiksaan. Hasil dari analisis program yang dijalankan, para pelajar amat berpuas hati dengan pengisian yang telah diberikan dan amat praktikal sebagai sesuatu yang berguna untuk mereka menghadapi peperiksaan akhir. Program ini juga disertai oleh Penasihat Akademik pelajar semester satu dan dirasmikan oleh Pemangku Ketua Jabatan JKA, En Hassan bin Siraj. Harapan penganjur adalah seminar seperti ini dapat dijalankan pada setiap semester sebagai satu langkah membantu pelajar mencapai kejayaan khususnya dalam bidang akademik terutama kepada pelajar semester satu JKA. Peningkatan program pada masa akan datang perlu dilaksanakan dengan mengaplikasikan pelbagai pendekatan yang lebih efektif seperti melibatkan pelajar senior JKA sebagai pemudahcara program.

Majlis Berbuka Puasa JKA (Kelab Golf Port Dickson)

Pada 23 September 2008 kelab Kebajikan Staf JKA telah mengadakan satu Majlis berbuka Puasa bersama keluarga staf Jabatan Kejuruteraan Awam, di Kelab Golf Port Dickson. Majlis ini yang di-pengerusikan oleh En Hasan B. Siraj, diadakan bagi mengeratkan silaturrahim antara staf dan ahli keluarga masing-masing. Majlis berbuka ini juga adalah satu aktiviti yang sering di adakan pada setiap tahun oleh Kelab Kebajikan JKA.



Pertandingan Rekabentuk Jambatan Peringkat Kebangsaan UKM

Pada 7 Ogos 2008, Politeknik Port Dickson diwakili Oleh Pelajar-pelajar dan pensyarah daripada Jabatan Kejuruteraan Awam ke pertandingan rekabentuk jambatan di UKM Bangi Selangor, Pertandingan ini disertai oleh semua IPTA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Pelajar JKA yang terlibat terbahagi kepada 2 kumpulan iaitu kumpulan pertama daripada Diploma Kejuruteraan Awam dan kedua Diploma Senibina. Pensyarah yang terlibat ialah Puan Dazlyna, Puan Siti Balqis dan En. Azmi Hambali.




Air Sebagai Kawan dan Lawan



Hujan lebat di sekitar kampus Politeknik Port Dickson pada akhir November 2008 telah menyebabkan berlakunya cerun runtuh berhampiran padang bola Politeknik Port Dickson. Benteng yang baru siap dibina tidak mampu menahan kekuatan air yang begitu banyak. Air sebagai kawan ketika kita sedang dalam dahaga tetapi membawa malapetaka buruk sekiranya laluan tidak terpelihara dan menjadi lawan kepada kita. Ini jelas apabila berlakunya tanah runtuh dan kehilangan tempat tinggal. Selain ianya berpunca dari bencana alam, pemeliharaan cerun bagi mengelakkan tanah runtuh adalah bermula dari kita. Tembuk-tembuk penahan cerun yang dibina hendaklah mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan. Laluan-laluan 'weep-holes' yang dibina pada tembuk penahan hendaklah berfungsi untuk mengalirkan air dalam tanah. Adalah lebih baik pendekatan alternatif diambil kira, khususnya di dalam menyediakan perparitan yang lebih sempurna di bahagian cerun kerana langkah tersebut lebih berhemah dan menjimatkan kos penyelenggaraan daripada membaikpulih cerun itu sendiri. -ISMAIL HASHIM

English Language Course Evaluation (ELCE) by BPK, JPPKK



A group of 89 Diploma Semester 1 students (of all departments) were chosen as the sample in the English Language Course Evaluation (ELCE) by the Curriculum Development Division (BPK), JPPKK. The students were given a comprehensive test in all four skills: reading, writing, listening and speaking. The test was held from 5th to 6th August, 2008. The written test was held in Dewan Kuliah 4 (DK4) while the oral test was held in Language Lab A, B, C and D. The tests were administered by the English Language lecturers of Port Dickson Polytechnic.

Malam Pra Graduasi JKA

Pada 28 November 2008, Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Port Dickson telah mengadakan Malam Pra-Graduasi JKA. Majlis Makan Malam ini disertai oleh pelajar semester akhir dan para pensyarah JKA bertempat di Ruang Legar Dewan Kuliah 5. Program ini bertujuan untuk meraikan pelajar kursus kejuruteraan awam dan senibina yang akan menamatkan pengajian mereka dan mengeratkan hubungan pelajar dan pensyarah JKA.

Dalam program ini juga, pelantikan Ahli Majlis Tertinggi Kelab JKA yang baru iaitu untuk sesi Januari 2009 telah dijalankan. Di samping itu, acara cabutan bertuah dan hadiah best costume untuk kategori pelajar, pensyarah dan si cilik (anak-anak pensyarah) merupakan acara kemuncak untuk majlis makan malam yang berkonsepkan pakaian tradisional warna hijau, putih dan hitam ini. Semoga Malam Pra-Graduasi JKA ini meninggalkan seribu satu kenangan manis untuk pelajar JKA yang bergelar graduan nanti. Nuratikh Seman



Program Kasih Ramadan Prs PPD Bersama Prs P JB



Pada 13 September 2008 yang lalu, seramai 59 orang ahli termasuk Ahli Jawatankuasa Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Johor Bahru telah datang ke Politeknik Port Dickson untuk mengikuti program dan berbuka puasa bersama Kelab Pembimbing Rakan Siswa Politeknik Port Dickson. Objektif program ini adalah untuk mengeratkan silaturrahim antara kedua-dua Kelab PRS dari Politeknik yang berbeza. Program dibuat dalam bulan Ramadan untuk mengambil sedikit sebanyak keberkatan yang ada di dalam bulan ini. Program diadakan di Kafe B, Kamsis Politeknik Port Dickson.

Dua buah bas dari Politeknik Johor Bahru tiba di Politeknik Port Dickson dalam jam 3.30 petang dan Majlis Pembukaan Program Kasih Ramadan terus diadakan. Majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh saudara Mohd Ridzuan bin Handar. Selepas selesai bacaan doa, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Presiden Kelab PRS Politeknik Port Dickson iaitu saudara Md. Shahrizuan bin Md. Sani. Selepas ucapan aluan, majlis diteruskan dengan ucapan Pegawai Kaunseling. Kemudian program diteruskan lagi dengan ucapan Pegawai Kaunseling dari Politeknik Johor Bahru.

Program dimulakan dengan peserta dikehendaki untuk mencari kumpulan masing-masing. Objektif pembahagian kumpulan adalah untuk menghilangkan rasa malu dan dapat bekerjasama sebagai sebuah kumpulan.

Selepas itu, program diteruskan dengan permainan goreng pisang. Objektif program ini adalah untuk menyedarkan setiap peserta supaya fokus dalam setiap apa pekerjaan yang dilakukan dan bersungguh-sungguh apabila melakukan sesuatu selain menajana minda yang kreatif untuk melakukan sesuatu. Selepas berbuka puasa peserta dari Politeknik Johor Bahru bertolak pulang. Kebanyakan peserta seronok dan berpuas hati. Walaupun diadakan dalam bulan Ramadan, rata-rata peserta bersemangat untuk menyertai program ini dan berpendapat program sebegini perlu diteruskan dan dipanjangkan masanya.

Kunjungan Bakti Kelab Pembimbing Rakan Siswa PPD, UUM, Kedah dan S M Teknik Jalan Stadium



Pada 22 Ogos hingga 24 Ogos 2008, Unit Kaunseling dan Kerjaya Politeknik Port Dickson dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia dan Sekolah Menengah Teknik Jalan Stadium telah menjalankan Program Kunjungan Bakti untuk semua siswa siswi dan pelajar-pelajarnya. Objektif ini adalah untuk Memupuk semangat kerjasama dan juga dapat menjalankan silaturrahim di kalangan ahli-ahli kelab PRSP UUM dengan ahli kelab PRSP PPD, memberi pendedahan kepada ahli kelab berkaitan pengurusan serta pentadbiran yang dijalankan oleh kelab PRSP, ahli juga dapat bertukar-tukar idea setelah mengikuti aktiviti yang telah dirancang dalam 'sharing ideas', melahirkan pelajar-pelajar yang berketampilan dan berpengetahuan sejajar dengan matlamat Politeknik Port Dickson, disamping perkongsian idea antara satu sama lain bagi kemajuan bersama, mendapat pengetahuan mengenai tempat-tempat yang menarik di sekitar Kedah, mendedahkan ahli mengenai erti sebagai seorang ahli PRS itu sendiri melalui aktiviti diskusi.

Pada jam 10.30 malam 21 Ogos 2008, kami bertolak dari Politeknik dan tiba di UUM pada jam 8.00 pagi, 22 Ogos 2008. Pada hari tersebut program dimulakan dengan Sesi suai kenal/Taaruf bersama ahli PRS UUM dan Program bersama PRS UUM sehingga jam 11.00 malam hari tersebut.

Pada sebelah pagi 23 Ogos 2008, kami memulakan aktiviti Senamrobik dan Lawatan Sekitar Alor Star. Program kami diteruskan pada sebelah petang dengan mengadakan program motivasi bersama pelajar-pelajar tingkatan 4 dan 5 Sekolah Menengah Teknik Jalan Stadium. Antara aktiviti yang dijalankan di sana adalah Inventori Kerjaya, Janji Saya, Jejak Kasih Ibu Bapa dan LDK. Semua pelajar mengikuti dengan baik semua program yang telah ditetapkan untuk mereka.

Kami bertolak pulang ke Port Dickson jam 8.30 pagi, 24 Ogos 2008 dan tiba di Politeknik jam 4.00 petang hari yang sama. Kebanyakan peserta berasa seronok selepas menyertai program ini dan berharap program seperti ini dapat diadakan lagi pada semester akan datang.

CALIS – Aniuran JKA

Program Seminar Gaya Hidup Kampus – Campus Lifestyle (CALIS) telah dijalankan pada 24 Februari 2008 bertempat di Dewan Kuliah 5, Politeknik Port Dickson. Seramai 50 orang pelajar lelaki dan 58 orang pelajar perempuan telah menyertai program ini yang terdiri dari pelajar semester satu kursus Diploma dan Sijil Kejuruteraan Awam dan Diploma dan Sijil Senibina. Pengisian program ini adalah ceramah "Menenal Personaliti" oleh Cr. Shamsul Bahrain bin Haron dari Politeknik Shah Alam dan Aktiviti Dalam Kumpulan (ADK) yang dikendalikan oleh PBKJ dan AJK Kelab JKA yang terdiri daripada pelajar senior JKA. Hasil dari maklum balas peserta, program ini dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri, mengenali personaliti masing-masing dan mengeratkan hubungan antara pelajar baru dan lama dan PBKJ JKA. Nuratikah Seman

Gotong Royong Bersepadu PPD dan Aaensi Kerajaan Bersama Penduduk Taman Politeknik

13 November. Teluk Kemang. Seramai 380 orang pelajar politeknik serta penduduk Taman Politeknik Port Dickson telah menempa sejarah apabila julung kalinya berjaya melaksanakan suatu program silaturrahim dan mengabungkan berbagai pihak yang terdiri daripada pelajar, pensyarah, pegawai kerajaan, pemimpin setempat dan masyarakat Politeknik Port Dickson.

Antara pengisian program tersebut ialah senamrobik yang dipimpin oleh saudara Suhairi Husin seorang kakitangan Politeknik Port Dickson. Peserta kemudiannya telah di bahagikan kepada empat sektor dan dipimpin oleh pemimpin setiap blok. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Tuan Azman bin Mohd Nor ADUN Bagan Pinang. Di dalam ucapannya beliau telah menyeru agar masyarakat melaksanakan tanggungjawab bermasyarakat mereka sebaik mungkin. Beliau berpendapat bahawa program seumpama ini amat baik dan patut dipelbagaikan pada masa hadapan.

Antara ketua dan wakil agensi kerajaan yang turut serta semasa program tersebut berlangsung ialah Jabatan Penerangan, Majlis Perbandaran daerah Port Dickson, Jabatan Bomba dan Penyelamat Teluk Kemang, Balai Polis Teluk Kemang serta Jabatan Bekalan Air Port Dickson.

Sementara itu, Mejar Zainol selaku Pengerusi taman Politeknik berpendapat bahawa program ini amat baik sekali kerana ia mengajar pelajar-pelajar erti bermasyarakat dan dalam masa yang sama dapat membantu menyelesaikan masalah sosial di antara pelajar politeknik dan masyarakat setempat. Beliau menyarankan supaya lebih banyak lagi program interaksi seumpama itu dilaksanakan pada masa hadapan. Program tersebut berakhir pada jam 11.00 pagi.



Lawatan Akademik Delegasi Tvtc Arab Saudi Ke Politeknik Port Dickson



Delegasi dari Arab Saudi sedang tekun mendengar penjelasan mengenai model Politeknik Port Dickson yang disampaikan oleh Pengarah Politeknik Port Dickson dan Ust Yusnizam selaku jurubahasa Politeknik Port Dickson.



Delegasi TVTC Arab Saudi khusyuk mendengar penerangan dan taklimat berkaitan Politeknik Port Dickson oleh Pengarah Polipd.



Peserta menyaksikan demonstrasi Robo Soccer daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Port Dickson.

Politeknik Port Dickson telah melakar sejarahnya yang tersendiri apabila dikunjungi oleh 3 delegasi seramai 25 orang yang terdiri daripada Pengetua, Timbalan Pengetua dan Ketua-ketua Jabatan dari TVTC (Technical and vocational Training Centre) Arab Saudi, pada 23 Julai 2008. Program ini diselenggarakan bersama oleh Bahagian Perhubungan Industri KPTM dan Universiti Terbuka Malaysia (OUM). Antara lain, objektif lawatan ini ialah untuk memberi pendedahan kepada peserta delegasi TVTC Arab Saudi tentang kaedah pembelajaran latihan teknikal yang dilaksanakan di negara ini. Selain daripada itu, lawatan ini dijangka dapat mewujudkan satu persefahaman dan kerjasama akademik berkaitan dengan teknikal dan kejuruteraan di antara Malaysia dan Arab Saudi.

Semasa lawatan tersebut, peserta delegasi telah diberikan taklimat dan dipersembahkan dengan tayangan Video Korporat Politeknik Port Dickson. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Politeknik Port Dickson Tuan Haji Mohd Kharir bin Mohd Ibrahim. Beliau telah menekankan bahawa sistem pendidikan teknik dan vokasional di Negara ini adalah bersifat komprehensif dan berteraskan kepada penyediaan tenaga kerja mahir bagi menyokong pembangunan dan kemajuan Negara. Beliau juga berharap agar wujud satu bentuk perjanjian persefahaman dan program pertukaran pelajar di antara kedua negara ini.

Selain daripada taklimat dan persembahan video korporat, peserta delegasi juga dibawa melawat ke sekitar Kampus Politeknik Port Dickson dan seterusnya dibawa melawat ke Jabatan Kejuruteraan Mekanikal bagi menyaksikan demonstrasi "Robo Soccer". Peserta lawatan menyuarakan perasaan kagum dan terujanya mereka terhadap kemajuan bidang robotic di Negara ini dan berharap agar ilmu tersebut dapat dikongsi bersama di masa hadapan.



Peserta delegasi arab Saudi bergambar kenangan bersama pengarah Politeknik Port Dickson dan Pegawai-pegawai. Kanan Politeknik Port Dickson.



Peserta delegasi sedang mendengar taklimat berkaitan model pelantar minyak yang terdapat di ruang legar Jabatan Kejuruteraan mekanikal Politeknik Port Dickson oleh Tuan haji Sabardin bin Yeop Hamza Pegawai perhubungan Awam Politeknik Port Dickson.

Keratan Akhbar & Majalah

BERITA SETEMPAT

Gotong-royong Politeknik PD 15 Nov.

PORT DICKSON Politeknik Port Dickson (PPD) di sini akan menganjurkan program Gotong-royong Bersepadu pada Sabtu ini.

Pegawai Perhubungan Awam PPD, Sabardin Yeop Hamza, berkata, program berkenaan akan melibatkan pengertua pelajar-pelajar PPD, agensi-agensi rerasan serta penduduk Taman Politeknik di sini.

Jelas beliau, matlamat utama program adalah untuk memperkukuh hubungan silaturahim antara pelajar PPD dan masyarakat setempat.

"Program akan dilaksanakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Bagan Pinang, Azman Mohd. Nor, pada pukul 9 pagi di Padang Awam Taman Politeknik," katanya dalam kenyataan akhbar di sini.

Menurut Sabardin, program itu juga bertujuan membolehkan pelajar-pelajar PPD tentang tanggungjawab sosial mereka kepada masyarakat.

Sementara itu, beliau memberitahu, Kejohanan Sukan Jemputan PPD 2008 turut akan dianjurkan pada hari yang sama.

"Kejohanan itu akan diarahkan oleh Pengarah PPD, Mohd. Kharir Mohd. Ibrahim, pada pukul 4 petang di Padang PPD," jelasnya.

Kata Sabardin, orang ramai dijemput hadir untuk memeriahkan kedua-dua program tersebut.

GOTONG-ROYONG ERAT SILATURAHIM

SEPAKAT, Belajar tidak semestinya perkah masyarakat setempat. Bersepadu kepada yang sudah, seramai 300 pelajar Politeknik Port Dickson (PPD) bersepadu mengadakan gotong royong bersepadu penduduk Taman Politeknik baru baru ini.

Gotong royong tersebut turut mendapat kerjasama agensi-agensi kerohanian seperti: Majlis Perbandaran Port Dickson, Jabatan Bioherba dan Pemyetaniat dari Polis Diraja Malaysia.

Pengarah PPD, Mohd Kharir Mohd Ibrahim berkata, program yang pertama kali dianjurkan itu berguna memupuk matlamat mengeratkan hubungan silaturahim di antara pelajar PPD, penduduk taman dan agensi-agensi kerohanian.

"Kita mahu pelajar di sini bersama-sama menjaga kebersihan dan menggabungkan mereka menyumbang masa dan tenaga dalam aktiviti-aktiviti berfikir kemasyarakatan," katanya.



BEBERAPA pelajar Politeknik Port Dickson yang menyertai Program Gotong-Royong Bersepadu di Taman Politeknik Port Dickson baru baru ini.

Politeknik, komuniti jalin silaturahim



Mohd Ghaus menanam pokok sebagai tanda simbolik kepada perasmian program tersebut.

■ HAFIZ AZIZ

TELUK KEMANG - Program politeknik Bersama Komuniti yang diadakan selama dua hari berturut-turut adalah aktiviti mengeratkan perpaduan dan kerjasama antara komuniti di sekitar daerah ini.

Pengarah Bahagian Pembangunan dan Penilaian Kurikulum Jabatan Pengajaran Politeknik dan Kolej Komuniti, Mohd Ghaus Ab Kadir berkata, program kemasyarakatan itu adalah pendekatan berkolaborasi serampong dua mata.

"Program ini bukan sahaja mampu mendekatkan masyarakat tentang politeknik, malah silaturahim antara warga politeknik dan masyarakat

setempat juga diertakan melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

"Ini juga, antara kaedah terbaik sebagai pendekatan bersepadu untuk mempromosikan politeknik sebagai sebuah pusat pendidikan terulung dan menjadi pilihan pelajar cemerlang," katanya ketika berucap merasmikan program tersebut.

Ghaus berkata, program kemasyarakatan ini juga mampu membantu pelajar untuk memahami budaya setempat dan nilai-nilai masyarakat yang ada di persekitaran mereka.

"Sepertimana yang kita ketahui, majajiti pelajar bukan berasal dari kawasan ini, jadi dengan adanya program tersebut, mereka berpeluang untuk bertemu masyarakat se-

kelling serta beramah mesra.

"Malah, program kemasyarakatan ini merupakan pendekatan bagi mendekatkan masyarakat mengenai kelebihan yang ada di institusi pendidikan menerusi pelbagai program yang dijalankan di sini," katanya.

Antara aktiviti yang diadakan bagi meraikan masyarakat adalah bengkel keusahawanan, pameran akademik, TwinTech, ceramah kerjaya, motivasi pelajar, pelancaran WiFi, program bumi hijau, bengkel Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) serta Takaful Malaysia.

Selain itu, pelajar sekolah dari Politeknik Port Dickson dan politeknik Zon Selatan turut hadir memberi sokongan.



ARCSIA Student Jamboree 2008 Busan, Korea

► The ARCSIA Student Jamboree 2008, which was held in Busan, Republic of Korea from 21th October until 1st November 2008 has ended successfully. This inaugural gathering of architecture students all over Asia was previously held in Beijing, China in 2006. In this year's Student Jamboree, Malaysia was represented by 5 students from various architecture schools: Muzam, Tamin, Dikari, Nuzul, and UICAM. Both Siti Nur Hafizah and Nur Hafizah Taylor & Callaghan and Mohd Azwan Mohd Iwan (Port Dickson Polytechnic), a lecturer from Port Dickson Polytechnic, with her husband and representatives from FIM were Ai Lee Chee Wah, Ai Buan Chee Hwee, Ai Di San Lee Mu, Ai Hanihan, Mubai, Jamil and Ai Sue Pei Ing. Busan is the second target metropolitan after Seoul with a population of approximately 3.6 million. It was designed to be a metropolitan city, which has 15 districts and 1 county. It has a mountainous terrain and today the city is being developed in valleys, Nakhing and Seobing Rivers. The old city centre is at Nampo-dong, while the new city centre is at Songjeong. Busan



1. Program Jalinan Mesra (Gotong-royong).
2. Ceramah Motivasi-Budaya Pelajar Cemerlang.
3. Program Perkhemahan Kelab Mathscomp.
4. Gotong-royong Bersama Pelajar Baru.
5. 13 Asian Congress Of Architecture, Busan, Korea.
6. Surveillance Audit Ms Iso 9001:2000.
7. Seminar Personaliti Unggul dan Pengurusan Stress Anjuran JKA.
8. English Language Camp Phase II July 2008.
9. English Language Carnival July 2008.
10. Statistic Challenge.
11. Motivasi Pelajar JKE.
12. Perjumpaan Bersama Pengarah (Pentadbiran).
13. Program Sukan JPP Seminar Tingkatan Daya Kepimpinan.
14. Bengkel Anggaran Belanja Mengurus (ABM).
15. Kursus Hirarc.
16. JKM Memenangi Pertandingan Projek Politeknik Port Dickson.
17. Lawatan Sambil Belajar Pelajar Ke Petrosains.
18. Majlis Berbuka Puasa Bersama Anak-Anak Yatim/Piatu Daerah PD.
19. Program Ice Breaking Kelab Pembimbing Rakan Siswa PPD.
20. Seminar Penyelidikan Pendidikan Peringkat Kebangsaan KPTM.
21. Hari Senibina 2008.
22. Pertandingan Projek Peringkat Jabatan.
23. Seminar Pecutan Terakhir dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2008.
24. Program Politeknik Bersama Komuniti-Bengkel Kalkulator & Math Challenge.

25. Seminar Peningkatan Kefahaman Islam.
26. Ibadah Korban.
27. Seminar Kerjaya " Usahawan Kerjaya Pilihan".
28. 'Blog For Blogger'.
29. Hidup Lebih Sihat Bersama Yakult!.
30. Staf PPD Beraksi Hebat di Supkom 1.
31. Hari Bersama Pelanggan.
32. Pameran dan Jualan Gerai .
33. Kursus Dalaman PLC.
34. Tips For Final-JKA.
35. Majlis Berbuka Puasa JKA (kelab Goff Diraja Port Dickson).
36. Pertandingan Rekabentuk Jambatan Peringkat Kebangsaan UKM.
37. Air Sebagai Kawan.
38. English Language Course Evaluation (ELCE) by BPK, JPKK.
39. Malam Pra Graduasi JKA.
40. Program Kasih Ramadan Prs PPD Bersama Prs PJB.
41. Kunjungan Bakti Kelab Pembimbing Rakan Siswa PPD, UUM, Kedah dan SM Teknik Jalan Stadium.
42. CALIS – Anjuran JKA .
43. Gotong Royong Bersepadu PPD dan Agensi Kerajaan Bersama Penduduk Taman Politeknik.
44. Lawatan Akademik Delegasi Tyto Saudi Ke Politeknik Port Dickson.

Buletin

Politeknik Port Dickson



PERISTIWA DAN ISU SEMASA

Politeknik Port Dickson Terus Cemerlang

2008

